

26/10/1998

Demonstrasi: Agensi kerajaan digesa bertindak

KUALA TERENGGANU, Ahad - Semua agensi kerajaan diminta mengambil inisiatif, termasuk tindakan tata tertib terhadap kakitangannya yang terbabit dalam demonstrasi menentang kepemimpinan negara.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor, berkata agensi kerajaan tidak boleh lagi bertindak sebagai pemerhati dan terus memberi tumpuan terhadap pentadbiran sedangkan negara sedang digugat, termasuk oleh pihak asing.

Selain agensi kerajaan, katanya, pihak pengurusan universiti juga perlu menunjukkan kesetiaan mereka kepada negara dengan tampil ke hadapan membantah tindakan demonstrasi yang dicetuskan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Agensi kerajaan dan pihak pengurusan universiti tidak boleh lagi berdiam diri kerana keadaan sekarang semakin serius tambahan golongan pelajar diperalatkan pihak terbabit," katanya dalam sidang akhbar di Maahad Tahfiz al-Quran, di Padang Midin, dekat sini hari ini.

Dr Yusof yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Agama negeri kesal dengan demonstrasi yang berlaku di Kuala Lumpur kebelakangan ini menyebabkan beberapa anggota polis tercedera.

Beliau berharap semua pihak termasuk parti pembangkang menganggap demonstrasi perkara serius yang merugikan agama, bangsa dan negara yang tidak berlaku sebelum ini.

"Selain Umno, semua parti di negara ini perlu bertanggungjawab dan menunjukkan kesetiaan mereka dengan mengecam perbuatan itu.

"Ahli Umno pula tidak boleh membiarkan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seseorang memikirkan masalah itu, sebaliknya membuktikan komitmen yang kuat dan menganggap perkara itu merugikan dan melemahkan negara," katanya.

Mengenai rancangan penjelasan yang dilakukan pemimpin parti di seluruh negara secara tertutup, katanya, setakat ini beliau berpuas hati dengan rancangan walaupun kadang-kadang menerima gangguan.

Beliau juga kesal kerana maklumat liar terus masih disebar menerusi Internet sedangkan ia tidak betul.

(END)